

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

30. Larangan penggunaan beg plastik dan straw di Pulau Pinang.
  - (a) Sejauh manakah keberkesanan program ini dan penerimaan rakyat Pulau Pinang terhadap kempen tiada beg plastik dan straw?
  - (b) Apakah usaha yang dilakukan untuk mencapai sasaran pelaksanaan program ini?
  - (c) Berikan jumlah hasil kutipan caj beg plastik mengikut tahun.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Isu penggunaan dan kebergantungan kepada produk plastik khususnya plastik sekali guna serta kaedah pelupusan yang tidak sistematik telah menyebabkan berlakunya pencemaran alam yang serius. Justeru itu, Dasar Tak Nak Plastik Sekali Guna (*No To Single-Use Plastic*) dirangka bagi meminimumkan impak kesan pencemaran plastik di Negeri Pulau Pinang. Dasar *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang dirangka sebagai dasar induk bagi memastikan polisi-polisi yang dilaksanakan berkaitan pengurusan sisa plastik sekali guna dapat diselaraskan dengan berkesan. Dua (2) program utama yang telah diperkenalkan di bawah Dasar *No To Single-Use Plastic* adalah seperti berikut:-

- (i) Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma (*No Free Plastic Bag Day*); dan
  - (ii) Kempen Tak Nak Penyedut Minuman Plastik (*No To Plastic Straw*)
- (a) Kerajaan Negeri melalui Penang Green Council telah menjalankan dua (2) kaji selidik untuk mendapatkan maklumbalas rakyat Pulau Pinang mengenai dasar *No To Single Use Plastic* yang telah dilaksanakan.

Kajian pertama dilaksanakan dari 13 November hingga 22 Disember 2017 melibatkan seramai 2,582 responden. Penemuan penting yang diperolehi dari kajian ini adalah seperti berikut:-

- (i) Seramai 100% responden sedar (*aware*) dan faham dengan pelaksanaan polisi Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Di Negeri Pulau Pinang; dan
- (ii) Seramai 65% responden menyokong pelaksanaan polisi Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Di Negeri Pulau Pinang dengan membawa beg sendiri (*shopping bag*) semasa membeli belah.

Kajian kedua dilaksanakan dari bulan Ogos sehingga November 2018 melibatkan seramai 1948 pengguna dan 232 peniaga di sekitar Pulau Pinang. Hasil kaji selidik tersebut mendapati penemuan seperti berikut:-

- (i) Seramai 76% pengguna dan 59.7% peniaga menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam larangan penggunaan plastik sekali guna;
- (ii) Seramai 65% pengguna menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan plastik sekali guna kerana ianya dibekalkan oleh peniaga tanpa sekatan ketika pembelian dibuat; dan

- (iii) Seramai 76.1% peniaga bersetuju untuk memberikan plastik sekali guna hanya sekiranya diminta oleh pengguna.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan melalui kedua-dua kaji selidik yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) Rakyat Pulau Pinang menerima dan bersedia untuk mengurangkan kecenderungan penggunaan plastik sekali guna dalam kehidupan seharian;
  - (ii) Penggunaan plastik sekali guna akan dapat dikawal secara sistematis sekiranya kawalan dapat dibuat di peringkat peniaga semasa transaksi urusniaga; dan
  - (iii) Penduduk Pulau Pinang menerima dan menyokong kempen larangan penggunaan plastik sekali guna yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.
- (b) Usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaksanaan dasar *No To Single-Use Plastic* mencapai sasaran adalah seperti berikut:-
- (i) Memperkenalkan Garis Panduan Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang pada tahun 2017 bagi memastikan pematuhan oleh semua premis terlibat;
  - (ii) Melaksanakan Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap hari Isnin pada tahun 2019 dan diperluaskan lagi pada setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu pada tahun 2020;
  - (iii) Melarang penggunaan plastik sekali guna di jabatan/agensi premis kerajaan serta semasa penganjuran program di bawah Kerajaan Negeri;
  - (iv) Mendekati masyarakat serta pemilik premis perniagaan untuk memberikan informasi dan kesedaran supaya menyokong dasar *No To Single-Use Plastic*;

- (v) Menganjurkan sesi dialog bersama pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas dan input bagi menambah baik mekanisma pelaksanaan polisi semasa;
  - (vi) Membuat promosi dan publisiti kempen melalui edaran poster dan penggunaan platform media sosial;
  - (vii) Penganjuran forum melibatkan pelbagai pemegang taruh untuk berkongsi pengalaman pelaksanaan amalan terbaik dan inisiatif hijau dalam menangani isu pencemaran plastik; dan
  - (viii) Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap pemilik perniagaan yang tidak melaksanakan kempen melalui nasihat, pengeluaran notis dan kompaun.
- (c) Jumlah kutipan caj beg plastik yang diperolehi sejak kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dilancarkan dari tahun 2009 sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM10.79 juta dengan perincian mengikut tahun seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A**

**PERINCIAN KUTIPAN MENGIKUT TAHUN BAGI  
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG  
DARI TAHUN 2009 SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KUTIPAN (RM)</b>
2009	28,496.00
2010	268,036.00
2011	738,253.00
2012	1,206,035.00
2013	959,826.00
2014	1,040,750.00
2015	719,006.00
2016	827,470.00
2017	1,391,158.00
2018	1,615,623.00
2019	1,990,507.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>10,785,160.00</b>